

Teknologi Taman di atas bumbung serlah bangunan mesra alam

Oleh: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Kepanasan pada bangunan boleh mengundang ketidak selesaan kepada penghuni bangunan. Pelbagai pendekatan boleh diambil kira untuk menyelesaikan permasalahan ini termasuk mengadakan sistem pengudaraan bantuan mekanikal tetapi sejauhmanakah ianya dapat dimanfaatkan kepada penghuni. Seni bina hijau melalui aplikasi seni bina landskap mungkin boleh membantu mengurangkan kepanasan dalam bangunan. Seni bina hijau atau reka bentuk hijau merupakan pendekatan bangunan menerusi meminimakan signifikasi yang boleh memudaratkan kepada kehidupan manusia.

Seni taman boleh digarapkan pada bahagian bumbung bangunan. Bumbung merupakan satu binaan yang unik bagi menutupi bangunan dan mengalirkan air hujan. Selain mengalirkan air hujan, bumbung boleh direka bentuk dengan mengaplikasikan taman di atas bumbung. Taman boleh diumpamakan satu seni. Umumnya, taman diadakan di atas tanah. Apabila manusia mula menghuni bangunan tinggi, kesan pokok secara terus tidak dapat dirasai lagi dan adalah perlu untuk membawa tumbuh-tumbuhan naik ke atas bangunan.

Taman di atas bumbung mungkin sesuatu yang baharu di negara kita tetapi pendekatan ini telahpun diaplikasikan di negara luar. Kepesatan pembinaan bangunan di bandar-bandar besar menjadikan bangunan lebih memerlukan ruang untuk dimanfaatkan. Taman di atas bumbung memberikan kelebihan kepada penjimatan ruang dan memanfaatkan ruang yang tidak digunakan.

Dengan mengadaptasikan kawasan berbumbung hijau ini, ianya berupaya meningkatkan daya serapan air hujan dan dengan itu dapat mengurangkan berlakunya kepanasan di dalam bangunan. Di samping itu juga, pepohon rendang dijadikan peneduh semula jadi yang berkesan kepada manusia dan aktiviti serta sebahagian daripada bangunan.

